

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019

SOALAN

**Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan statistik mangsa keganasan rumah tangga di seluruh
negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Bagi tahun ini sehingga Jun 2019, sebanyak 340 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada jumlah tersebut **316** mangsa adalah perempuan dan **24** kes adalah lelaki. Tiga (3) negeri yang mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang tertinggi ialah Selangor sebanyak 91 kes (27%), diikuti Pahang 56 kes (16%) dan Kedah 34 kes (10%).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : **21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

SOALAN

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat mana kewujudan *Psychological Care Centre* (PCC) dalam memudahkan masyarakat setempat mendapatkan khidmat kaunseling secara percuma.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Psychological Care Centre (PCC) merupakan sebuah pusat psikologikal setempat yang menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada masyarakat dan komuniti. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk memperluaskan lagi perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada komuniti setempat bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera dari aspek psikologikal.

Penubuhan PCC adalah tertumpu di kawasan kepadatan kependudukan yang tinggi, kawasan perumahan kos rendah dan kawasan tumpuan orang ramai bagi mendekatkan kemudahan ini kepada masyarakat dan komuniti melalui perkhidmatan yang percuma.

PCC menyediakan Kaunselor / Pegawai Psikologi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menyampaikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada komuniti seperti berikut:

- i) Intervensi kaunseling;
- ii) Ujian psikologi;
- iii) Kelompok sokongan;
- iv) Program dan aktiviti psikopendidikan; dan
- v) Program dan aktiviti psikoterapi.

Bagi tahun 2018, seramai 963 orang telah mendapatkan perkhidmatan di PCC. Bagi tahun 2020, sebanyak empat buah PCC dicadangkan untuk ditubuhkan di Negeri Sarawak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Muslimin Bin Yahaya [Sungai Besar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kaunselor berdaftar seluruh negara dan fungsi mereka membantu masalah tekanan perasaan kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang berat masalah tekanan perasaan ini. Sehingga 31 Oktober 2019, terdapat seramai 8,926 orang kaunselor berdaftar di seluruh negara.

Kementerian melalui Agensi di bawahnya iaitu Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Unit Kaunseling, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara dan Bahagian Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita mempunyai 212 Pegawai Psikologi yang mana 202 daripada itu adalah Kaunselor Berdaftar.

Kaunselor Berdaftar di Kementerian ini memberikan khidmat kepakaran mereka dalam bidang kaunseling dengan memfokuskan kepada masyarakat berdasarkan kumpulan sasar Kementerian. Kaunselor Berdaftar ini ditempatkan di seluruh Negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dalam menghadapi masalah kesihatan mental ini. Antara perkhidmatan yang diberikan adalah Intervensi Kaunseling, Intervensi Psiko Pendidikan, Perundingan dan Konsultasi, Intervensi Psikologi dan Intervensi Krisis.

Kementerian juga melalui kerjasama strategik dengan kementerian dan agensi kerajaan yang lain, NGO dan pengamal persendirian juga turut memberikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dalam menghadapi masalah kesihatan mental ini, di mana terdapat seramai 8,926 orang kaunselor berdaftar di pelbagai agensi perkhidmatan awam, seperti bidang perguruan, sektor pengajian tinggi, NGO dan pengamal persendirian turut sama-sama memberikan perkhidmatan ini bagi menangani isu tekanan perasaan atau kesihatan mental ini.